

KULIAH ZOHOR

**“Mengalahkan Lawan Bukan Matlamat Utama
Dakwah”**

Masjid Maarof | 28 Mac 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

فعن عبد الله بن عمرو قال : حاصر رسول الله صلى الله عليه وسلم أهل الطائف ، فلم ينل منهم شيئاً ، فقال : (إنا قافلون إن شاء الله ، قال أصحابه : نرجع ولم نفتتحه ، فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : اغدوا على القتال ، فغدوا عليه فأصابهم جراح ، فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : إنا قافلون غدا ، فأعجبهم ذلك ، فضحك رسول الله صلى الله عليه وسلم)

Terjemahan Hadith

- Abdullah b Amr r.a berkata, "Ketika Nabi s.a.w mengepung Taif dan tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka, beliau lalu bersabda 'Kami akan pulang, insyaAllah.' Berita ini diterima dengan berat oleh para sahabat sehingga mereka berkata 'Apakah kita tinggalkan tanpa membukanya (mengalahkannya)?' Maka Nabi s.a.w bersabda 'Mari kita berperang.' Ketika berperang, mereka menderita luka-luka, sedang musuh bertahan dalam benteng mereka yang tidak dapat ditembus. Nabi s.a.w bersabda 'Kami akan pulang esok hari.' Maka para sahabat merasa gembira. Nabi s.a.w tertawa." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

- Kemenangan dalam dakwah tidak semestinya berakhir dengan kekalahan musuhnya.
- Tujuan utama dakwah ialah untuk menarik mereka kepada Islam bukan menewaskan dan menguasai mereka
 - Rasulullah s.a.w anjurkan pulang kerana tiada manfaat untuk teruskan kepungan dan kerana tujuan utama boleh dicapai melalui cara lain.

- Kepentingan untuk sentiasa peka akan persekitaran
 - bersedia merubah strategi, perancangan dan gerak kerja dakwahnya, jika strategi yang ada tidak membawa kepada kejayaan usaha.
- Tidak takut berundur, membatalkan usaha atau mengubah perancangan awal, demi strategi yang lebih baik
 - berundur tidak bermakna kalah atau gagal
 - terutama jika langkah membawa kepada objektif yang dikehendaki
 - perancangan dakwah mestilah dinamik mengikut objektif yang hendak dicapai dan perubahan faktor-faktor kritikal.

- Rasulullah s.a.w tunjuk gaya kepimpinan yang terbuka
 - memberi peluang para sahabat teruskan pengepungan, walau pun beliau s.a.w mencadangkan kepungan dihentikan.
- Tidak salah biarkan pengikut alami sendiri kelemahan perancangan yang ada, jika tidak mengakibatkan mudarat yang terlalu besar
 - Rasulullah s.a.w guna teknik belajar melalui pengalaman.
- Rasulullah s.a.w benar kerana penduduk Taif masuk Islam kemudian beramai-ramai.

KULIAH ZOHOR

“Berdakwah Dengan Pembesar”

Masjid Maarof | 28 Mac 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَتَبَ إِلَى قَيْصَرَ يَدْعُوهُ إِلَى الْإِسْلَامِ،

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مِنْ مُحَمَّدٍ عَبْدِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ، إِلَى هِرَقْلَ عَظِيمِ الرُّومِ، سَلَامٌ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى، أَمَا بَعْدُ فَإِنِّي أَدْعُوكَ بِدَعَايَةِ الْإِسْلَامِ، أَسْلِمِ تَسْلِمًا، وَأَسْلِمِ يُؤْتِكَ اللَّهُ أَجْرَكَ مَرَّتَيْنِ، فَإِنْ تَوَلَّيْتَ فَعَلَيْكَ إِثْمُ الْأَرِيسِيِّينَ وَ{يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ}

Terjemahan Hadith

- Dari Ibn Abbas r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah menghantar surat kepada Raja Rom yang bermaksud "Dari Muhammad Rasulullah s.a.w kepada Hercules, Raja Agung Rom. Salam sejahtera atas sesiapa yang mengikut petunjuk. Maka saya mengajak tuan untuk memeluk Islam. Islamlah nescaya tuan akan selamat. Islamlah nescaya Allah akan memberi tuan pahala dua kali ganda. Jika tuan berpaling, tuan akan menanggung dosa kaum kamu. "Hai Ahli Kitab! Marilah kembali kepada satu kalimat yang tidak ada perbezaan antara kami dengan kamu, iaitu tidak menyembah kecuali kepada Allah dan tidak menyengutukan Allah suatu apa pun dan tidak menjadikan setengah kami dari setengah yang lain sebagai Tuhan selain dari Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah 'Saksikanlah olehmu bahawa kami adalah orang-orang Muslim'.(Ali Imran, 64)" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

- Hendaklah hormat kedudukan dan status pembesar
 - Rasulullah s.a.w memanggil Raja Rom dengan gelaran kemuliaannya
 - kekufuran Raja Rom bukan alasan tunjuk sikap memandang rendah kepadanya
 - adab yang baik dalam berdakwah dan termasuk hikmah.
- Rasulullah s.a.w hanya mengajak Raja Rom untuk memeluk Islam sahaja, tiada ultimatum (masuk Islam, bayar jizyah atau perang).

- Siapa yang tidak mahu memeluk Islam setelah didakwah dengan baik, serahkan hukumnya kepada Allah taala sahaja.
- Pendekatan memberi ultimatum kepada para pembesar negara bukanlah persoalan prinsip dalam dakwah
 - hanya satu pilihan
 - terserah pada kebijaksanaan penguasa Islam.
- Ultimatum diberikan setelah pengiriman surat-surat Rasulullah s.a.w, dilakukan kepada raja-raja yang bersikap memerangi atau telah melakukan tindakan perang ke atas penguasa Islam
 - satu tindakan untuk konteks tertentu bukan untuk semua keadaan.

- Serah hukum kepada Allah bermakna bebas untuk terus kekal dengan kedudukannya
 - Rasulullah s.a.w bersedia untuk menerima kewujudan bersama dua entiti - negara Islam dan negara Kristian – atas dasar keamanan dan saling hormat menghormati
 - asas bagi hubungan politik antara masyarakat Muslim dan bukan Muslim
 - bukan bermula dengan pendekatan 'tiga ultimatum' tetapi pendekatan 'kesedian untuk wujud bersama secara aman'.

- Dalam melakukan dialog antara agama atau kebudayaan
 - penting untuk jelaskan prinsip pegangan
 - sama penting untuk tumpukan aspek persamaan